



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN PROGRAM HAL EHWAL KESATUAN SEKERJA (PHEKS) TAHUN 2025 PERINGKAT ZON TENGAH

1. Iltizam Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) adalah sentiasa berdiri teguh bersama pekerja, memastikan suara mereka didengar dan hak mereka dipertahankan. Justeru, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM10 juta** bagi pelaksanaan Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS) tahun 2025 berbanding tahun 2024 iaitu RM5.8 juta dan merupakan **paling tinggi** dalam sejarah. Sebanyak RM7.15 juta diagihkan kepada kesatuan sekerja mengikut kluster yang diluluskan dan sebanyak RM2.85 juta untuk peruntukan Program *Outreach* dan Program Khidmat Masyarakat (CSR).
2. PHEKS merupakan salah satu bantuan yang diberikan kepada kesatuan sekerja dan dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) di bawah KESUMA. Peruntukan ini diberikan kepada kesatuan sekerja di Malaysia bagi menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan kesatuan sekerja. Objektif utama pelaksanaan PHEKS Tahun 2025 ini adalah untuk menyokong dan memantapkan pergerakan kesatuan sekerja melalui bantuan kewangan. Selain itu juga, ia—diharapkan dapat mewujudkan platform pendidikan untuk meningkatkan tahap kemahiran kepimpinan anggota kesatuan sekerja melalui pembelajaran secara berterusan. Ini bagi mewujudkan pergerakan kesatuan sekerja yang matang dan progresif di Malaysia setara dengan kesatuan sekerja di peringkat antarabangsa dengan menerapkan konsep Malaysia Madani.
3. PHEKS merupakan satu bentuk bantuan kewangan yang dibayar secara *one-off* kepada kesatuan sekerja yang berdaftar di Malaysia. Sebanyak lima (5) kluster telah ditawarkan kepada kesatuan sekerja pada tahun ini iaitu Latihan dan Program Pendidikan, Kajian Berkaitan Pergerakan Kesatuan Sekerja di Malaysia, Penulisan Ilmiah, Pembelian Perkakasan Komputer dan Pendigitalan Rekod Pengurusan Kesatuan Sekerja.

4. PHEKS 2025 telah menerima sejumlah 1,049 permohonan daripada pelbagai kesatuan sekerja di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 551 permohonan bernilai RM7.15 juta telah diluluskan. Sejumlah 138 permohonan bernilai RM2.1 juta yang diluluskan adalah untuk PHEKS 2025 Peringkat Zon Tengah meliputi Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.
5. Majlis Penyerahan PHEKS 2025 Peringkat Zon Tengah telah diadakan di Wyndham Acamar, Klang, Selangor dan majlis perasmiannya telah disempurnakan oleh YB Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)

6 MEI 2025

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	